

Tengkujuh bertandang

Bayi redah banjir

>>Oleh Jaafar Mulip

am@hmetro.com.my

TAMPIN: Seorang wanita terpaksa meredah banjir sejauh 100 meter sambil mendukung bayinya berusia enam bulan menuju ke jalan besar untuk menyelamatkan diri selepas rumahnya di Kampung Keru Hilir, dekat sini, dilanda banjir kilat, malam kelmarin.

Difahamkan, banjir melanda kampung itu sekitar jam 9.30 malam selepas hujan lebat lebih tiga jam mengakibatkan lapan keluarga seramai 34 orang terpaksa dipindahkan sementara ke surau kampung itu selepas paras air meningkat sehingga 1.30 meter.

Halijah Samsudin, 40, ketika ditemui di pusat pemindahan berkata, dia dan suami, Mohamad Farid Mohamad, 46, bersyukur selamat dipindahkan dan berharap dapat segera pulang ke rumah.

"Kira-kira jam 8 malam tadi (kelmarin), orang kampung beritahu air naik di bahagian depan kampung lalu saya berkemas dan sempat mengalihkan haiwan ternakan ke tempat selamat.

"Biasanya banjir mengambil masa dua jam untuk sampai ke kawasan rumah dan selepas selamat ke jalan besar, suami tiba dengan kereta dan kami terus menuju ke pusat pemindahan kira-kira jam 10.30 malam.

"Saya bernasib baik kerana seminggu lalu semua barang



SYUKUR...Halijah bersama anaknya yang berusia enam bulan ketika ditemui di pusat pemindahan banjir, semalam.

keperluan termasuk kain pakaian dimuatkan dalam dua beg kerana sudah menjangka banjir berlaku dan tidak mahu kelam-kabut," katanya.

Sementara itu, semua agensi termasuk polis, Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kakitangan Pejabat Daerah dan Majlis Daerah Tampin turun padang bagi membantu mangsa terbabat.

Tinjauan Harian Metro sehingga jam 3 petang semalam mendapati banjir sudah surut, namun mangsa belum dibenarkan pulang ke rumah masing-masing kerana dikhawatiri hujan pada petang

atau malam menyebabkan paras air kembali naik dan boleh mengancam keselamatan.

Dalam perkembangan sama, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesejahteraan Masyarakat negeri, Datuk Zainab Nasir turut melawat pusat pemindahan sementara dan meninjau kawasan terjejas.

Beliau berkata, pihaknya berpuas hati dan yakin dengan persiapan dilakukan semua agensi terabit bagi menangani banjir termasuk JKM yang menubuhkan 125 pusat pemindahan sementara berkapasiti 36,000

mangsa di semua daerah di negeri.

"Bagi Seremban sebanyak 28 pusat pemindahan dibuka, diikuti Kuala Pilah (20), Rembau (18), Jelebu (14), Port Dickson (14), Jempol (19) dan daerah ini (Tampin) sebanyak 12 pusat.

"JKM juga menyediakan barang keperluan terutama makanan, selimut, tikar, bantal untuk diagih ke semua pusat," katanya.

Sempena lawatan itu, beliau menghulurkan bantuan permulaan RM200 kepada setiap keluarga mangsa selain berterima kasih kepada pihak yang membantu dalam operasi pemindahan.